



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YBHG. DATUK BADRUL HISHAM BIN MOHD
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PEMBANGUNAN)
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN SEMINAR BAGI PENGELUAR BENIH PADI
SAH DI BAWAH SKIM PENGESAHAN BENIH PADI (SPBP)**

**19 OGOS 2025 | SELASA
KSL ESPLANADE HOTEL KLANG SELANGOR**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya kita dapat bersama-sama pada pagi ini dalam Majlis Perasmian Seminar Pengeluar Benih Padi Sah di Bawah Skim Pengesahan Benih Padi (SPBP).
2. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak penganjur, khususnya Jabatan Pertanian, atas jemputan untuk bersama-sama dalam majlis yang bermakna ini. Industri padi bukan sahaja menjadi komponen utama dalam sektor agromakanan negara, malah dekat di hati saya kerana ia menyentuh terus kelangsungan hidup pesawah, kesejahteraan komuniti luar bandar, dan jaminan bekalan makanan negara. Setiap inisiatif yang melibatkan pemerkasaan sektor ini, termasuk pengeluaran benih padi sah, adalah usaha strategik yang saya pandang amat penting untuk kelestarian industri padi dan beras negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Keselamatan makanan kini menjadi isu strategik di peringkat global. Perubahan iklim, ketidaktentuan geopolitik serta tekanan terhadap sumber asli memberi kesan langsung kepada rantai bekalan makanan, termasuk sektor padi dan beras yang merupakan makanan ruji negara. Dalam konteks ini, benih padi sah adalah tunjang utama. Ia bukan sekadar input pertanian, tetapi penentu kepada hasil yang berkualiti, stabil dan mampan.

4. Pelaksanaan SPBP adalah langkah strategik kerajaan bagi memastikan benih padi yang sampai ke tangan pesawah adalah tulen, berkualiti dan mematuhi piawaian. Malah, Kementerian telah menetapkan sasaran pengeluaran benih padi sah sebanyak 72,000 tan setahun bagi memenuhi keperluan pesawah dan mengurangkan pergantungan kepada benih tidak sah. Bagi tahun 2024, Jabatan Pertanian telah berjaya mengesahkan sebanyak 90,156 tan benih padi sah dengan nilai jualan runcit RM252 juta, meliputi keluasan 23,300 hektar ladang benih.
5. Berdasarkan laporan rasmi 2024, pengeluaran melibatkan 12 varieti, dengan MR297 (58%) sebagai varieti utama diikuti MR220 CL2 (15%) dan MR269 (13%). Data terkini sehingga Julai 2025 menunjukkan MR297 terus mendominasi pada kadar 59%, diikuti MR269 (20%) dan MR220 CL2 (13%). Kejayaan ini membuktikan industri benih padi negara semakin matang, tersusun dan berdaya saing, sekaligus meningkatkan produktiviti sawah, pendapatan pesawah dan menjamin keselamatan makanan negara.
6. Namun, kejayaan ini memerlukan kerjasama erat semua pihak daripada pembiak baka, pengeluar benih, pesawah, institusi penyelidikan sehinggalah penguatkuasa. Penguatkuasaan mesti diperkukuh bagi membanteras penyalahgunaan label, penjualan benih tidak sah dan pengeluaran tanpa lesen. Integriti, ketelusan dan kawalan kualiti yang ketat adalah asas kepada keyakinan pesawah terhadap benih yang dihasilkan.

Sidang hadirin sekalian,

7. Seminar ini menjadi platform penting untuk membincangkan cabaran semasa, berkongsi inovasi dan memperkuat kerjasama rentas sektor. Kementerian akan terus menyokong melalui penambahbaikan dasar, pemantapan pemantauan serta penyediaan latihan dan insentif kepada pengeluar.
8. Akhir kata, saya percaya sesi perbincangan sepanjang seminar ini akan menghasilkan cadangan konkrit untuk memperkuat sistem benih padi sah negara. Maka, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Seminar Pengeluar Benih Padi Sah di Bawah Skim Pengesahan Benih Padi (SPBP).

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum wbt.